



MIZUNO

MALAYSIA

TOT

100



Zafriil tidak nihil ang fokus

Oleh **SUSAN ALBERT KASSIM**

susanalbs@thestar.com.my

Foto **IQMAL HAQIM ROSMAN**

PEMBEDAHAN lutut akibat kecederaan ligamen yang dilakukan sejak April lalu menyebabkan atlet olahraga negara, Mohd Zafril Zuslaini terpaksa melupakan hasrat untuk mewakili negara pada Sukan Komanwel di New Delhi, India yang bakal berlangsung pada Oktober dan Sukan Asia di Guangzhou, China November ini.

Walaupun impian untuk menghadiahkan pingat buat negara tidak kesampaian tahun ini, Zafril berazam untuk mempertahankan pingat emas dalam acara 400 meter, 400 meter lompat berpagar dan 4x400 meter pada Sukan SEA di Indonesia pada 2011.

“Saya dibenarkan berehat selama enam bulan. Jadi saya tidak menetapkan sebarang sasaran pada tahun ini. Mungkin saya akan kembali beraksi dalam Sukan Universiti Asia (SUA) di Chiang Mai, Thailand, Disember ini. Namun segalanya bergantung kepada keadaan kecederaan saya,” katanya

g fokus

ketika ditemui *Mingguan mStar* baru-baru ini.

Penuntut Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor itu pernah menamatkan kemarau pingat emas negara selama 12 tahun yang dicatatkan pelari negara, Romzi Bakar apabila mengungguli acara 400 meter di Sukan SEA, Laos tahun lalu.

Kejayaan itu sedikit sebanyak membantu Zafril menebus kekecewaan pada Sukan SEA 2005 di Manila, Filipina apabila sekadar menamatkan larian di tempat ketiga. Dia juga dapat menunaikan janji pada arwah ibunya (Zainun Abidin) untuk merampas kembali mahkota kejuaraan dalam acara itu.

“Saya pernah berjanji pada arwah ibu untuk mendapatkan pingat emas. Akhirnya tahun lalu janji itu berjaya ditunaikan. Saya hadiahkan kemenangan itu untuknya. Dia banyak mendorong kejayaan saya selama ini,” ujarnya.

Pembabituan awal Zafril dalam sukan olahraga bermula sejak berusia 10 tahun lagi. Pada ketika itu bakatnya mula dikesan ketika bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Ismail, Kemaman, Terengganu.

Bermula dengan kejohanan rumah-rumah sukan peringkat sekolah rendah, dia kemudiannya mewakili negara buat pertama kalinya pada Sukan Sekolah-sekolah Asia di Brunei, lapan tahun lalu.

Kemuncak karier Zafril bermula ketika di tingkatan empat selepas berpindah ke Sekolah Menengah St Thomas, Kuantan, Pahang. Pada 2003 dia mendapat panggilan daripada Majlis Sukan Negara (MSN) untuk menjalani latihan penuh bersama Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (KOAM) di bawah program Sukan Asia 2006.

Menurutnya, acara 400 meter bukanlah mudah seperti yang disangka malah ia memerlukan komitmen 100 peratus sama ada ketika sesi latihan mahupun masa kejohanan itu sendiri.

“Oleh itu, tidak ramai yang mengambil bahagian dalam acara ini. Sebenarnya, saya pernah cuba 100 meter tetapi ia juga memerlukan banyak tenaga. Masalah kecederaan juga menghalang saya untuk menyertai acara itu, jadi saya hanya fokus dengan 400 meter saja,” jelasnya.

Memandangkan mahu menamatkan sesi pengajiannya tahun ini, Zafril menolak tawaran berlatih di Afrika Selatan selama setahun bermula Februari lalu sebagai persediaan awal untuk Sukan Asia dan Sukan Komanwel.

“Memang sedih kerana tawaran hanya datang sekali. Namun pelajaran juga penting. Saya bimbang jika sudah lama tinggalkan pelajaran, mood untuk kembali

belajar itu sudah hilang. Jadi saya pilih untuk fokus pada pelajaran kerana tanpa ilmu kita tidak akan ke mana,” tambahnya.

Zafril yang mendapat bimbingan di bawah khidmat jurulatih K. Jayabalan sejak 2004 bercadang untuk bersara dalam arena olahraga selepas selesai Sukan Olimpik 2012 di London.

Melihat kebolehan Zafril yang aktif di trek, pasti ramai tidak menduga dia turut berjinak-jinak dalam bidang perusahaan tanaman cendawan yang kini diusahakan bersama rakan kongsinya.

Ia merupakan perusahaan terbesar di pantai timur yang menyediakan bahan masakan utama untuk restoran berasaskan cendawan milik keluarganya di Kampung Pangkalan Pandan, Kemaman, Terengganu.

“Hasil tanaman itu akan digunakan restoran kami untuk menghasilkan menu berasaskan cendawan seperti sup, piza dan popia. Setakat ini, sambutan yang diterima begitu menggalakkan malah kami juga ada menerima kunjungan pelanggan dari Kuala Lumpur,” katanya.

Zafril memberitahu, minatnya untuk mengusahakan tanaman cendawan banyak dipengaruhi bapanya. Memang tidak dinafikan risiko tetap ada tetapi bukan wang yang menjadi keutamaan Zafril. Dia hanya ingin mencari kepuasan dan gembira perusahaan itu mula menampakkan hasil lumayan.

Tidak betah bekerja dalam tempat terhad seperti pejabat, Zafril berhasrat untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap perniagaan keluarga selepas tamat pengajiannya kelak.

Setakat ini, keluarga Zafril menjalankan perniagaan dalam bidang makanan, tanaman pisang, nangka, nanas dan cendawan, penternakan kambing dan logistik.



Zafril sentiasa mengutamakan latihan walaupun pernah mengalami kecederaan.